

Pemilihan Bahasa dalam Domain Kekeluargaan Etnik Banjar di Mukim Bagan Serai, Perak

Language Choice in the Family Domain of Banjar Society in Bagan Serai, Perak

IQBAL NORUL AMIN¹ & WAN ROBIAH MEOR OSMAN^{2*}

^{1,2} Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia

*Penulis koresponden: mowrobiah@ukm.edu.my

Received: 22 May 2026 ; Accepted: 9 July 2026

ABSTRAK

Bagan Serai merupakan penempatan terbesar masyarakat Banjar di Perak. Situasi ini telah menyebabkan berlakunya asimilasi budaya mahupun bahasa masyarakat Banjar dengan penduduk tempatan yang terdiri daripada kaum Melayu. Hal ini sekali gus membentuk sebuah komuniti masyarakat yang multilingual di Bagan Serai. Selain itu, keadaan ini juga dilihat menyebabkan peristiwa pertembungan bahasa antara bahasa Banjar (BB) yang merupakan bahasa ibunda dan juga dialek Utara (DU) yang merupakan dialek tempatan di kawasan berkenaan. Justeru itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pemilihan bahasa dalam domain kekeluargaan masyarakat Banjar di mukim Bagan Serai. Pendekatan domain yang diketengahkan oleh Fishman (1972) dijadikan sebagai medium untuk mengenal pasti bahasa yang menjadi pilihan masyarakat ini khususnya dalam domain kekeluargaan. Kajian ini melibatkan seramai 200 orang responden masyarakat Melayu Banjar yang menetap di mukim Bagan Serai. Responden pula terdiri daripada penduduk yang menetap di beberapa buah perkampungan seperti Kampung Parit Gabis, Kampung Telok Seribu, dan Masjid Tinggi. Setiap responden diberikan borang soal selidik di samping temu bual tidak berstruktur dan juga pemerhatian turut serta. Hasil kajian mendapati bahawa dialek Utara (DU) semakin dominan dituturkan dalam komunikasi harian masyarakat Banjar bersama keluarga sama ada dalam lingkungan pertama, kedua, mahupun ketiga. Tambahan pula, kecenderungan masyarakat Banjar menuturkan DU lebih menyerlah apabila bertutur dengan golongan ahli keluarga yang lebih muda. Selain itu, faktor perkahwinan campur merupakan faktor yang mendorong masyarakat Banjar mula beralih kepada bahasa yang lebih difahami iaitu, DU ketika sedang berkomunikasi dengan keluarga pasangan suami atau isteri. Namun begitu, penggunaan bahasa Banjar (BB) masih dikekalkan walaupun agak terhad kepada ahli keluarga yang lebih berusia sahaja. Situasi ini menggambarkan bahawa sudah terdapat penurunan penggunaan BB dalam domain kekeluargaan masyarakat Banjar di Bagan Serai. Kajian ini sekali gus dapat menyerlahkan situasi terkini bahasa ibunda masyarakat Banjar yang semakin terancam berikutan penurunan angka penutur Banjar.

Kata Kunci: Pemilihan Bahasa; Domain Kekeluargaan; Masyarakat Banjar; Lingkungan Kekeluargaan; Penurunan

ABSTRACT

Bagan Serai is the largest settlement of the Banjar community in Perak. This situation has caused cultural as well as linguistic assimilation between the Banjar community and the local residents consisting of the Malay ethnic group. This has simultaneously formed a multilingual community in Bagan Serai. In addition, this situation is also causing language contact between the Banjar language (BL), which is the mother tongue, and the Northern Dialect (ND), which is the local dialect. Therefore, this study aims to identify language choice in the family domain of the Banjar community in Bagan Serai. The domain approach by Fishman (1972) was used as a medium to identify the language chosen by this community, especially in the family domain. This study involved 200 Banjar Malay respondents residing in Mukim Bagan Serai. The respondents consisted of residents living in several villages such as Parit Gabis, Telok Seribu, and Masjid Tinggi. Each respondent was given a questionnaire in addition to unstructured interviews and participant observation. The findings of the study found that ND is increasingly dominant in daily communication among the Banjar community with family members whether within the first, second, or third circle. Furthermore, the tendency

of the Banjar community to speak ND is more prominent when communicating with younger family members. In addition, intermarriage is a factor that encourages the Banjar community to begin shifting to a more widely understood language, namely ND, when communicating with the family members of the husband or wife. However, the use of BL is still maintained although it is rather limited to older family members only. This situation illustrates that there has already been a decline in the use of BL in the family domain of the Banjar community in Bagan Serai. This study also highlights the current situation of the Banjar mother tongue, which is increasingly endangered following the decline in the number of Banjar speakers.

Keywords: Language Choice; Family Domain; Banjar Community; Family Generations; Decline

PENGENALAN

Kewujudan masyarakat yang *multilingual* ini sangat jelas di Malaysia. Majoriti rakyat Malaysia berkebolehan menuturkan dua atau lebih bahasa yang berbeza. Kepelbagaian latar kaum dilihat sebagai faktor yang mendorong rakyat menguasai bahasa selain bahasa ibunda sendiri. Perkara yang sama juga diutarakan oleh Noor Izzati Jamil & Khazriyati Salehuddin (2023) yang mendapati bahawa fenomena kedwibahasaan di Malaysia didorong oleh faktor kepelbagaian etnik. Malah, Wan Haliimisshufi Bin Wan Jusoh & Faridah Nazir (2022) turut bersependapat bahawa kewujudan masyarakat dwibahasa ini hasil daripada faktor kepelbagaian bahasa. Oleh itu, jelas sekali bahawa variasi etnik yang wujud di Malaysia ini mendorong rakyatnya menguasai sekurang-kurangnya dua atau lebih bahasa untuk berkomunikasi.

Penguasaan pelbagai bahasa dalam kalangan masyarakat menyebabkan wujudnya keperluan untuk memilih bahasa yang sesuai dalam sesuatu interaksi. Dalam konteks ini, masyarakat multibahasa perlu memilih bahasa yang akan digunakan dalam sesebuah komunikasi. Perkara ini telah dijelaskan oleh Sa'adiah Ma'alip (2015) yang menyatakan bahawa komuniti memilih bahasa apabila mempunyai kemampuan bertutur dua atau lebih bahasa yang berbeza. Selain itu, Muhammad Danial Danish Yusman & Noor Saadah Salleh (2024) turut bersependapat bahawa keupayaan individu yang menguasai bahasa yang pelbagai akan menyebabkan fenomena pemilihan bahasa sewaktu berkomunikasi. Berdasarkan pernyataan berikut, jelas sekali bahawa fenomena pemilihan bahasa ini merupakan perkara yang lazim berlaku dalam kalangan masyarakat di Malaysia yang berkebolehan menuturkan dua atau lebih bahasa.

Pemilihan bahasa dalam kalangan masyarakat minoriti dapat menjadi indikator yang jelas bagi menggambarkan fenomena *multilingual* di Malaysia. Keupayaan golongan minoriti menguasai dua atau lebih bahasa terserlah menerusi kecenderungan

untuk menggunakan bahasa yang lebih dominan dituturkan dalam sesebuah kawasan bagi tujuan interaksi sosial. Sa'adiah Ma'alip (2021) telah menjelaskan bahawa fenomena pemilihan bahasa terjadi dalam kalangan minoriti apabila mengubah bahasa daripada bahasa ibunda kepada bahasa yang lebih bersifat majoriti. Pernyataan tersebut amat signifikan bagi menggambarkan dinamika bahasa dalam kalangan masyarakat minoriti ini. Dalam hal ini, masyarakat Banjar turut tergolong sebagai etnik minoriti di Malaysia.

Penghijrahan kaum Banjar bermula sekitar abad 19 (Mohd Khaidir Abdul Wahab, Chong Shin & Karim Harun 2025a). Kaum Banjar ini merupakan penghuni asal di Banjarmasin, Kalimantan Selatan. Penghijrahan ke Tanah Melayu (sebelum dikenali sebagai Malaysia) dan kawasan sekitarnya disebabkan faktor tekanan hidup di bawah penguasaan Belanda pada waktu itu. Di Malaysia, majoriti masyarakat Banjar memilih kawasan pertanian sebagai penempatan mereka. Hal ini berkait dengan kehidupan mereka di Banjarmasin yang menyara kehidupan sebagai petani (Salleh Lamry 2016). Justeru, kawasan pertanian seperti Bagan Serai telah menjadi antara penempatan masyarakat Banjar ini.

Bagan Serai merupakan sebuah mukim yang terletak dalam daerah Kerian. Mukim ini amat terkenal sebagai kawasan penanaman padi sebagai sumber ekonomi utama penduduk. Malah, menurut Portal Majlis Daerah Kerian, kawasan ini turut dikenali sebagai jelapang padi bagi negeri Perak. Selain itu, kaum Melayu merupakan kaum majoriti di Bagan Serai di samping kaum Cina dan India. Tambahan pula, kedudukan mukim ini yang bersempadan dengan Pulau Pinang dan Kedah menjadikan masyarakatnya menuturkan dialek Utara sebagai dialek setempat (Harun Mat Piah 1983). Situasi ini sekali gus menyebabkan masyarakat Banjar turut terlibat secara langsung dalam fenomena pemilihan bahasa bagi menyesuaikan diri dengan norma masyarakat di Bagan Serai yang didominasi oleh kaum Melayu. Oleh itu, kajian yang dijalankan

ini khusus untuk meneliti pemilihan bahasa dalam domain kekeluargaan masyarakat Banjar di Bagan Serai.

SOROTAN KOSA ILMU

Kajian oleh Mohd Khaidir Abdul Wahab, Chong Shin & Karim Harun (2025a) telah memfokuskan isu pengekaln dan peralihan bahasa Banjar di Bagan Serai. Antara domain yang difokuskan seperti domain persahabatan, jual beli, keagamaan, dan kekeluargaan. Proses pengutipan data berlangsung dengan menggunakan teknik pemerhatian ikut serta dan juga rakaman tanpa sedar. Hasil kajian telah mendapati bahawa wujud kod asing yang diselit oleh masyarakat Banjar sewaktu berkomunikasi. Setiap domain menampakkan bahawa bahasa Banjar masih digunakan namun terdapat penyelitan bahasa asing seperti dialek Melayu Kedah atau bahasa Melayu standard. Oleh itu, kajian ini telah menyerlahkan bahawa kewujudan bahasa selain bahasa Banjar dalam pertuturan harian masyarakat Banjar di Bagan Serai.

Kajian selanjutnya oleh Mohd Khaidir Abdul Wahab, Chong Shin & Karim Harun (2025b) mengkhususkan kepada domain pendidikan dan persahabatan. Data bagi kajian ini pula diperolehi menerusi teknik pemerhatian ikut serta dan juga edaran borang soal selidik. Hasil kajian ini turut menjurus kepada percampuran kod bahasa asing oleh masyarakat Banjar. Hal ini kerana setiap domain yang dikaji menyerlahkan bahawa wujudnya penggunaan bahasa Banjar bersama dengan bahasa Melayu atau dialek Melayu Kedah. Malah, terdapat isu keciciran bahasa ibunda oleh generasi muda masyarakat Banjar. Sehubungan dengan itu, kajian ini telah menjelaskan bahawa bahasa Banjar, kini, mulai dikesan terancam.

Domain pendidikan keagamaan dalam masyarakat Banjar di Bagan Serai menjadi fokus seterusnya dalam kajian Mohd Khaidir Abdul Wahab et al. (2025). Lokasi kajian ini pula terhad di Madrasah Al-Akhlak Al-Islamiah, Masjid Tinggi, Bagan Serai. Kajian ini memanfaatkan pendekatan kualitatif menerusi kaedah pemerhatian ikut serta, temu bual, dan rakaman tanpa sedar. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan bahasa Melayu standard amat dominan dalam situasi formal atau waktu pengajian. Manakala, penggunaan bahasa setempat seperti bahasa Banjar, dialek Melayu Kedah dan dialek Melayu Perak digunakan di luar waktu pengajian atau situasi tidak formal. Oleh itu,

kajian ini telah menampakkan penggunaan bahasa yang rencam oleh masyarakat Banjar dalam domain pendidikan keagamaan.

Shahidi A.H, Iqbal Norul Amin & Nor Fazila Ab Hamid (2025) pula menjurus kepada pemerian pengaruh bahasa Melayu dalam pertuturan masyarakat Banjar. Tujuan utama kajian ini ialah meneliti pengaruh aspek fonologi dan leksikal bahasa Melayu dalam kalangan masyarakat Banjar di Bagan Serai. Selain itu, kajian ini turut menghuraikan faktor peluasan pengaruh bahasa Melayu ke atas masyarakat ini. Antara lokasi kajian yang dipilih ialah Kampung Teluk Seribu, Kampung Teluk Medan, Kampung Sungai Gedong dan Kampung Parit Tuan Bridge. Empat orang penduduk yang mewakili setiap kampung dan mematuhi kriteria NORM/NORF telah dipilih sebagai informan kajian ini. Data kajian diperolehi menerusi teknik *flash card* dan informan perlu mengujarkannya secara semula jadi berdasarkan gambar yang telah ditunjukkan. Sesi temu bual tersebut dirakam dan diterjemahkan ke bentuk fonetik. Hasil kajian telah mendapati bahawa terdapat unsur asimilasi, pengguguran, pelenyapan, serta penerapan terus leksikal bahasa Melayu oleh masyarakat Banjar ini. Sebagai contoh, penerapan vokal tengah /ə/ dan konsonan frikatif velar /ŋ/ dalam bahasa Banjar dan juga penerapan terus leksikal bahasa Melayu iaitu /tua/, /muda/, /merah/. Oleh itu, kajian ini sekali gus memperlihatkan bahawa terdapat penyerapan sama ada leksikal atau leksikal bahasa Melayu dalam pertuturan harian masyarakat Banjar di Bagan Serai.

Kajian oleh Muhammad Khairul Najmi Amran, Wan Robiah Meor Osman & Nor Fazila Ab Hamid (2024) telah mengkhususkan kajian pemilihan bahasa dalam domain kekeluargaan ke atas masyarakat Siam di Kedah. Seramai 150 orang responden diperlukan untuk menjawab borang soal selidik. Manakala, kajian ini telah membahagikan kepada tiga lingkungan hubungan kekeluargaan berdasarkan tingkat kekerabatan keluarga. Hasil kajian tersebut memperlihatkan bahawa hubungan kekerabatan amat mempengaruhi penggunaan bahasa dalam domain kekeluargaan masyarakat Siam ini. Hal ini boleh dilihat apabila campuran bahasa Siam dan dialek Kedah lebih banyak dituturkan bersama dengan lingkungan pertama manakala dialek Kedah menjadi pilihan apabila bersama dengan lingkungan kedua. Oleh itu, kajian ini telah menyerlahkan bahawa pertuturan dalam domain kekeluargaan turut bergantung kepada tahap keakraban antara ahli keluarga.

PERMASALAHAN KAJIAN

Berdasarkan kajian lepas, dapat dipastikan bahawa dapatan kajian pemilihan bahasa sebelum ini belum menyeluruh. Hal ini kerana kajian lepas hanya mengenal pasti corak pilihan kod dalam domain kekeluargaan masyarakat Banjar di Bagan Serai. Misalnya, kajian oleh Mohd Khaidir Abdul Wahab, Chong Shin & Karim Harun (2025) yang mengenal pasti kod pilihan masyarakat Banjar ketika bertutur bersama ahli keluarga ialah *a1/b1/a1*. Dalam kajian tersebut, peratusan jumlah pemilihan bahasa tidak diketengahkan dalam kajian tersebut. Oleh itu, kajian ini akan mengenal pasti pemilihan bahasa masyarakat Banjar dalam domain kekeluargaan dengan menonjolkan peratusan penutur bahasa.

Penyelidikan tentang pilihan bahasa masyarakat Banjar ini cenderung merangkumkan pelbagai domain dalam sesebuah kajian. Hal ini menyebabkan sesebuah domain hanya dijelaskan secara umum. Misalnya, kajian Mohd Khaidir Abdul Wahab, Chong Shin & Karim Harun (2025a) yang telah menggabungkan domain persahabatan, jual beli, keagamaan dan kekeluargaan dalam kajiannya. Dalam penyelidikan tersebut, pemilihan bahasa dalam domain kekeluargaan hanya diperihalkan secara umum iaitu menerusi pengenalanpastian corak pilihan kod sahaja. Oleh itu, kajian ini akan meneliti satu domain sahaja, iaitu pemilihan bahasa dalam domain kekeluargaan.

Lazimnya, pertembungan bahasa terjadi dalam sesebuah kawasan yang masyarakatnya menuturkan dua atau lebih bahasa. Penyataan demikian selari dengan kajian oleh Rohaidah Haron, Ab. Razak Ab. Karim & Indirawati Zahid (2018) yang mendapati bahawa pertembungan bahasa seringkali berlaku dalam sesuatu kawasan yang didiami oleh lebih daripada satu kelompok bahasa. Situasi ini turut dialami dalam masyarakat Banjar di Bagan Serai iaitu di antara BB sebagai bahasa ibunda dan DU sebagai dialek setempat. Dalam hal ini, kelestarian BB berpotensi terjejas akibat persaingan dengan DU sebagai dialek setempat yang dominan. Keadaan ini selari dengan kenyataan oleh Sa'adiah Ma'alip (2019) yang menunjukkan bahawa kebiasaannya bahasa yang diancam kepupusan ialah bahasa etnik minoriti. Oleh itu, kajian ini akan mengenal pasti tahap kelestarian BB berdasarkan pemilihan bahasa dalam domain kekeluargaan oleh masyarakat Banjar.

Ketahanan bahasa ibunda boleh diukur menerusi domain kekeluargaan. Hal ini bermakna kekeluargaan menjadi tembok bagi menghalang

bahasa ibunda daripada kepunahan. Perkara ini telah dinyatakan oleh Sa'adiah Ma'alip & Kartini Abd Wahab (2024) bahawa usaha pemertahan bahasa ibunda haruslah bermula dari rumah iaitu dengan penggunaan bahasa ibunda dengan ahli keluarga dengan konsisten. Selain itu, Muhammad Khairul Najmi Amran, Wan Robiah Meor Osman & Nor Fazila Ab Hamid (2024) menyatakan bahawa penutur akan memilih bahasa yang diwarisi sejak turun-temurun. Sehubungan dengan itu, kajian ini akan meneliti pemertahanan bahasa Banjar menerusi pemilihan bahasa dalam hubungan sesama ahli keluarga.

KAEDAH KAJIAN

Penelitian *mixed method* atau campuran antara kualitatif dan kuantitatif merupakan penelitian yang digunakan ke atas penyelidikan tentang pemilihan bahasa masyarakat Banjar di Bagan Serai. Hal ini kerana Rozmi Ismail (2023) yang menyimpulkan bahawa penerapan penelitian campuran dapat menghasilkan kesahan yang tinggi. Oleh itu, penelitian campuran dimanfaatkan ke atas kajian pemilihan bahasa dalam domain kekeluargaan masyarakat Banjar di Bagan Serai.

Data kajian sepenuhnya diperoleh menerusi penelitian di lapangan. Bagi kajian di Bagan Serai ini, lokasi kajian yang dipilih melibatkan beberapa buah perkampungan yang terletak dalam mukim Bagan Serai. Antara kampung yang dipilih ialah Kampung Masjid Tinggi, Kampung Parit Gabis, dan Kampung Teluk Seribu. Malah, setiap kampung ini juga masih dihuni oleh pewaris yang bersuku Banjar. Tambahan pula, perkampungan ini turut dipilih sebagai lokasi dalam beberapa kajian Banjar sebelum ini seperti kajian Shahidi A.H, Iqbal Norul Amin & Nor Fazila Ab. Hamid (2025), Mohd Khaidir Abdul Wahab, Chong Shin & Karim Harun (2025b), Mohd Khaidir Abdul Wahab & Mohd Nor Taufiq Norhashim (2022). Selain itu, bilangan responden yang diperlukan dalam kajian ini ialah seramai 200 orang. Penetapan jumlah responden ini dibuat berdasarkan Roscoe (1975) dalam Mohd Khaidir Abdul Wahab & Dicky Wiwittan Toto Ngadiman (2024) yang menyatakan bahawa saiz sampel dalam julat 30 hingga 500 orang sesuai untuk kebanyakan kajian. Antara kriteria yang diperlukan sewaktu pemilihan sampel ialah: penduduk di Bagan Serai, bersuku Melayu Banjar, dan berumur antara 20 hingga 80 tahun dan ke atas. Had umur responden pula ditetapkan berdasarkan beberapa kajian lepas

seperti Muhammad Khairul Najmi Amran & Wan Robiah Meor Osman (2024) dan Riduan Makhtar, Siti Aisah Binti Jailani & Abd Ganing Laenggang (2019) yang menetapkan julat umur antara 20 hingga 70 tahun ke atas sebagai kriteria dalam kajian pemilihan bahasa masing-masing.

Edaran borang soal selidik dipilih sebagai kaedah utama untuk pemerolehan data di lapangan. Dalam konteks kajian di Bagan Serai, borang ini mengandungi empat bahagian iaitu, bahagian A (soalan demografi), bahagian B (maklumat penguasaan bahasa), bahagian C (soalan pemilihan bahasa), bahagian D (soalan faktor pemilihan bahasa). Setiap soalan yang dibina juga disesuaikan dengan latar masyarakat Banjar di Bagan Serai. Selain itu, perisian *Google Form* dimanfaatkan sepenuhnya untuk membina borang soal selidik ini. Kemudian, proses penyebaran borang soalan ini dijalankan secara hibrid, iaitu melalui platform *Whatsapp* dan edaran fizikal di lokasi kajian.

Teknik temu bual dan pemerhatian telah diaplikasikan bagi memenuhi penelitian campuran. Teknik berikut bertujuan mendapatkan data tambahan yang dapat menyokong data utama. Temu bual tidak berstruktur dan pemerhatian tidak ikut serta dijalankan secara rawak dan melibatkan beberapa orang informan sahaja. Manakala, proses temu bual dan pemerhatian ini dijalankan secara serentak ketika informan sedang mengisi borang soal selidik.

TEORI DOMAIN FISHMAN (1972)

Penelitian ke atas pemilihan bahasa sesebuah masyarakat sebelum ini banyak mengamalkan pendekatan oleh J.A. Fishman (1972). Beliau telah menyetengahkan konsep domain bagi melihat situasi pemilihan bahasa. Teori ini merupakan kesinambungan daripada kajian yang telah dijalankan oleh Schmidt-Rohr (1932) yang telah mengenal pasti kepentingan meneliti penggunaan bahasa berdasarkan situasi (Hartmut Haberland, 2005). Malah, J.A. Fishman (1972) turut melihat bahawa konteks sosial sebagai titik bagi memahami corak penggunaan bahasa.

Menurut J.A. Fishman (1972), domain ialah situasi sosial atau konteks kejadian yang bertujuan untuk mengenal pasti kelompok utama situasi interaksi yang berlaku dalam persekitaran pelbagai bahasa. Hal ini bermaksud domain ini menekankan

konteks sosial sebagai kaedah untuk memahami pemilihan bahasa dalam masyarakat. Perkara yang sama turut dinyatakan oleh Riduan Makhtar et al. (2019) bahawa domain ini dapat menghuraikan situasi pemilihan bahasa dalam masyarakat bahasa yang menjurus kepada masyarakat multibahasa. Dalam kajian J.A. Fishman (1972) lima domain asas yang diketengahkan ialah domain keluarga, persahabatan, agama, pendidikan, dan pekerjaan.

Domain kekeluargaan menjadi kayu ukur kepada tahap kelestarian sesuatu bahasa. Hal ini selari dengan kenyataan oleh Mohd Khaidir Abdul Wahab & Shamim Sharif (2025) bahawa benteng utama dalam mengekalkan bahasa dan dialek tempatan dapat dibuktikan menerusi domain sosial tidak formal. Malah, Saidatul Normis Hj Mahadi, Aishah Tamby Omar & Wong Mee Mee (2022) turut berpandangan bahawa domain kekeluargaan merupakan lokasi terakhir bagi menilai sesuatu perubahan atau peralihan sesuatu bahasa. Antara kajian pemilihan bahasa yang khusus dalam domain kekeluargaan seperti kajian oleh Muhammad Khairul Najmi Amran et al. (2024) Umami Aiman Zahimi & Wan Robiah Meor Osman (2026). Oleh itu, penelitian ke atas pemilihan bahasa masyarakat Banjar ini turut akan mengkhususkan kepada domain kekeluargaan sahaja.

Dalam konteks kajian ini, pemilihan bahasa dalam domain kekeluargaan dibahagikan kepada tiga lingkungan kekeluargaan atau *family degree*. Lingkungan pertama merujuk kepada ahli keluarga yang rapat seperti ibu, bapa, isteri/suami, anak kandung, dan adik beradik responden. Lingkungan kedua pula terdiri daripada ahli keluarga seperti datuk, nenek, ayah mentua, ibu mentua, dan menantu. Manakala, ahli keluarga yang tergolong dalam lingkungan ketiga seperti pakcik dan makcik saudara, saudara, dan ipar duai.

TAHAP PENGUASAAN BAHASA

Jadual 1 di bawah menunjukkan tahap penguasaan bahasa oleh masyarakat Banjar di Bagan Serai. Antara bahasa ataupun dialek yang dituturkan oleh masyarakat Banjar ini seperti bahasa Banjar (BB), dialek Utara (DU), bahasa Melayu standard (BMS), campuran dialek utara bahasa Banjar (DU+BB), dan campuran bahasa Melayu standard bahasa Banjar (BMS+BB).

JADUAL 1: Tahap Penguasaan Bahasa Masyarakat Banjar di Bagan Serai

BAHASA	TAHAP PENGUASAAN BAHASA										Jumlah Responden Dan Peratus (%)	
	Sangat Fasih		Fasih		Kurang Fasih		Tidak Fasih		Sangat Tidak Fasih			
	Bilangan Responden Dan Peratus (%)											
	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%		
BB	60	30	43	21.5	45	22.5	28	14	24	12	200	100
DU	118	59	70	35	11	5.5	0	0	1	0.5	200	100
BMS	149	74.5	49	24.5	2	1	0	0	0	0	200	100
DU+BB	64	32	58	29	41	20.5	25	12.5	12	6	200	100
BMS+BB	67	33.5	58	29	37	18.5	26	13	12	6	200	100

Bahasa Banjar merupakan bahasa ibunda bagi etnik Banjar. Bagi masyarakat Banjar di Bagan Serai, majoritinya menguasai bahasa ibunda mereka. Hal ini kerana seramai 60 orang bersamaan 30% sangat fasih dan 43 orang bersamaan 21.5% lagi fasih bertutur menggunakan bahasa Banjar. Manakala, seramai 45 orang bersamaan 22.5% pula kurang fasih berinteraksi menggunakan BB. Bagi masyarakat yang tidak fasih, seramai 28 orang bersamaan 14% tidak fasih menuturkan BB. 24 orang bersamaan 12% pula sangat tidak fasih menuturkan bahasa ibunda bagi masyarakat Banjar ini.

Dialek Utara pula merupakan dialek setempat yang dituturkan di kawasan daerah Kerian. Oleh itu, kebanyakan masyarakat Banjar menguasai DU. Hal ini dapat dilihat apabila seramai 118 orang bersamaan 59% sangat fasih dan 70 orang bersamaan 35% fasih untuk berkomunikasi menggunakan DU. Manakala, hanya seorang sahaja responden yang sangat tidak fasih menuturkan dialek ini. Jumlah selebihnya iaitu seramai 11 orang bersamaan 5.5% pula kurang fasih berinteraksi menggunakan dialek setempat ini.

BMS pula merupakan bahasa kebangsaan dan juga bahasa rasmi dalam setiap urusan kerajaan di Malaysia. Oleh itu, majoriti masyarakat Banjar iaitu seramai 149 orang bersamaan 74.5% sangat fasih menuturkan BMS. Selain itu, 49 orang lagi bersamaan 24.5% fasih untuk berkomunikasi menggunakan bahasa kebangsaan ini. Manakala, hanya dua orang bersamaan 1% sahaja yang kurang fasih menuturkan BMS.

DU+BB pula ialah campuran dialek Utara dan bahasa Banjar. Bagi masyarakat Banjar, majoriti

masyarakat menguasai campuran kedua bahasa ini. Hal ini dapat dilihat apabila seramai 64 orang bersamaan 32% sangat fasih dan seramai 58 orang bersamaan 29% sangat fasih dan fasih untuk menuturkan DU+BB. Manakala, seramai 41 orang bersamaan 20.5% kurang fasih menuturkan DU+BB. Selain itu, seramai 25 orang bersamaan 12.5% pula tidak fasih berkomunikasi menggunakan DU+BB. Bagi masyarakat yang tidak fasih, seramai 12 orang bersamaan 6% tidak fasih untuk menggunakan campuran kedua bahasa ini.

BMS+BB pula merujuk kepada campuran antara bahasa Melayu standard dan bahasa Banjar. Dalam konteks masyarakat Banjar, kebanyakannya menguasai campuran kedua bahasa ini. Hal ini apabila seramai 67 orang bersamaan 33.5% yang sangat fasih menuturkan BMS+BB. Tambahan pula, 58 orang bersamaan 29% pula fasih untuk menuturkan BMS+BB. Masyarakat Banjar yang kurang fasih BMS+BB ialah seramai 37 orang bersamaan 18.5%. Tidak fasih pula seramai 26 orang bersamaan 13%, dan seramai 12 orang bersamaan 6% pula sangat tidak fasih untuk menuturkan BMS+BB.

LINGKUNGAN PERTAMA

Lingkungan pertama merujuk kepada ahli keluarga yang sangat rapat dengan responden. Antara ahli keluarga yang tergolong dalam lingkungan ini ialah ayah, ibu, adik beradik kandung. Sekiranya responden sudah berkahwin, isteri/suami, dan anak kandung juga dikategorikan dalam lingkungan ini.

JADUAL 2: Domain Kekeluargaan Lingkungan Pertama

BAHASA YANG DIGUNAKAN	DOMAIN KEKELUARGAAN LINGKUNGAN PERTAMA									
	Ayah		Ibu		Adik Beradik Kandung		Suami/Isteri		Anak Kandung	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%
BB	63	31.5	66	33	42	21	20	13	42	21
DU	83	41.5	83	41.5	93	46.5	70	47	93	46.5
BMS	25	12.5	26	13	35	17.5	36	24	35	17.5
DU+BB	18	9	15	7.5	22	11	22	15	22	11
BMS+BB	11	5.5	10	5	8	4	2	1.4	8	4

AYAH

Ayah memainkan peranan sebagai ketua keluarga. Malah, penentuan sesuatu bahasa pertuturan dalam sesebuah keluarga juga bermula daripada seorang ayah (Muhammad Khairul Najmi Amran, Wan Robiah Meor Osman & Nor Fazila Ab Hamid, 2024). Berdasarkan jadual di atas, seramai 83 orang bersamaan 41.5% menuturkan DU apabila berkomunikasi dengan ayah. Selain itu, DU turut menjadi bahasa perantara oleh masyarakat Banjar apabila seramai 63 orang bersamaan 31.5% menuturkan DU apabila berkomunikasi dengan ayah. BMS pula mencatatkan seramai 25 orang bersamaan 12.5% penutur yang menuturkan bahasa kebangsaan ini bersama ayah. Manakala, seramai 18 orang bersamaan 9% menuturkan DU+BB, dan 11 orang bersamaan 5.5% pula menuturkan BMS+BB apabila berinteraksi bersama ayah mereka.

IBU

Bagi masyarakat Banjar, *umak* merupakan nama panggilan ibu atau emak. Berdasarkan jadual di atas, seramai 66 orang bersamaan 33% menuturkan BB bersama dengan ibu. Manakala, masyarakat yang menuturkan DU pula seramai 83 orang bersamaan 41.5%. Bagi BMS, seramai 26 orang bersamaan 13% yang menuturkan bahasa kebangsaan Malaysia ini. Selain itu, seramai 15 orang bersamaan 7.5% menuturkan DU+BB, dan 10 orang bersamaan 5% yang menuturkan BMS+BB.

ADIK BERADIK KANDUNG

Adik beradik merujuk kepada abang, kakak, atau adik seibu dan sebapa. Namun, terdapat juga yang menganggap adik beradik boleh terdiri daripada saudara mara. Berdasarkan jadual tersebut, seramai

42 orang bersamaan 21% masyarakat Banjar yang menuturkan bahasa ibunda apabila bersama dengan adik beradik. Selain itu, seramai 93 orang bersamaan 46.5% pula menuturkan DU. BMS pula mencatatkan jumlah penutur seramai 35 orang bersamaan 17.5%. Manakala, seramai 22 orang bersamaan 11% masyarakat Banjar menuturkan campuran DU+BB apabila bersama adik beradik. Penutur BMS+BB ketika berinteraksi bersama adik beradik pula seramai 8 orang bersamaan 4%.

ISTERI/SUAMI

Isteri dan suami ini merujuk kepada pasangan lelaki dan perempuan yang sudah berkahwin. Seramai 20 orang bersamaan 13% menuturkan BB apabila berkomunikasi dengan suami atau isteri. Bagi DU, seramai 70 orang responden bersamaan 47% yang menuturkan dialek setempat. BMS pula mencatatkan angka penutur seramai 36 orang bersamaan 24%. Selanjutnya, seramai 22 orang bersamaan 15% masyarakat menuturkan DU+BB apabila bersama dengan pasangan masing-masing. Manakala, hanya dua orang bersamaan 1.4% pula menuturkan BMS+BB.

ANAK KANDUNG

Anak kandung merujuk kepada anak hasil daripada perkahwinan sepasang suami dan isteri. Berdasarkan jadual demikian, seramai 42 orang bersamaan 21% menuturkan BB apabila berkomunikasi dengan anak kandung. DU pula mencatatkan angka penutur seramai 93 orang bersamaan 46.5%. Selanjutnya, seramai 35 bersamaan 17.5% masyarakat yang menuturkan BMS apabila berinteraksi bersama anak kandung mereka. manakala, seramai 22 orang responden bersamaan 11% yang menuturkan DU+BB, dan seramai lapan orang bersamaan 4% yang mencampurkan BMS+BB untuk berkomunikasi dengan anak kandung.

Berdasarkan dapatan yang diperoleh, DU mula menjadi bahasa utama yang digunakan dalam kalangan lingkungan pertama keluarga masyarakat Banjar di Bagan Serai. Hal ini dibuktikan apabila DU mendominasi sebagai bahasa perantaraan yang digunakan ketika berinteraksi bersama ahli keluarga yang rapat. Walau bagaimanapun, masih terdapat penutur yang masih mengekalkan BB sebagai bahasa untuk berinteraksi bersama ahli keluarga yang rapat. Selain itu, penggunaan bahasa lain seperti BMS, DU+BB, dan BMS+BB juga turut digunakan apabila masyarakat Banjar mula berinteraksi bersama

ahli keluarga lingkungan pertama. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa terdapat masyarakat Banjar ini mula selesa menuturkan dialek setempat iaitu DU di samping bahasa-bahasa yang lain.

LINGKUNGAN KEDUA

Lingkungan kedua pula merujuk kepada ahli keluarga yang masih rapat namun tidak begitu intim. Antara ahli keluarga yang dikategorikan sebagai lingkungan kedua seperti datuk, nenek, ayah mentua, ibu mentua, dan menantu.

JADUAL 3: Domain Kekeluargaan Lingkungan Kedua

BAHASA YANG DIGUNAKAN	DOMAIN KEKELUARGAAN LINGKUNGAN KEDUA									
	Datuk		Nenek		Ayah Mentua		Ibu Mentua		Menantu	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%
BB	75	37.5	76	38	28	19	27	18	19	13.9
DU	68	34	67	33.5	69	46	68	45.3	69	50.36
BMS	27	13.5	27	27	34	22.7	36	24	36	26.28
DU+BB	20	10	21	21	18	12	18	12	12	9
BMS+BB	10	5	9	9	1	0.6	1	0.7	1	0.73

DATUK

Datuk merupakan panggilan hormat seorang lelaki yang merupakan ayah kepada ibu atau bapa seseorang. Dalam masyarakat Melayu, terdapat nama panggilan yang lain yang merujuk kepada datuk seperti tokwan dan atuk. Berdasarkan jadual tersebut, seramai 75 orang bersamaan 37.5% masih menuturkan BB bersama datuk. Manakala, penutur DU pula seramai 68 orang bersamaan 34%. Bagi BMS, penutur yang dicatatkan ialah seramai 27 orang bersamaan 13.5%. Penutur DU+BB pula seramai 20 orang bersamaan 10%, dan seramai 10 orang bersamaan 5% pula merupakan menuturkan BMS+BB apabila berkomunikasi dengan datuk.

NENEK

Nenek pula merujuk kepada seorang perempuan yang telah melahirkan ibu atau bapa seseorang. Bagi masyarakat Banjar, nenek juga dipanggil sebagai *ninik*. Berdasarkan jadual tersebut, seramai 76 orang bersamaan 38% merupakan penutur BB apabila berkomunikasi bersama dengan nenek. DU pula mencatatkan angka penutur seramai 67 orang bersamaan 33.5%. Selain itu, penutur BMS pula ialah seramai 27 orang bersamaan 13.5%. Bagi penutur DU+BB pula ialah seramai 21 orang bersamaan 10.5%. Manakala, BMS+BB pula mencatatkan angka penutur seramai 9 orang bersamaan 4.5%.

AYAH MENTUA

Ayah mentua ini merupakan panggilan hormat yang diberikan kepada bapa kandung pasangan suami atau isteri. Berdasarkan jadual di atas, seramai 28 orang bersamaan 19% menuturkan BB bersama dengan ayah mentua. Manakala, seramai 69 orang bersamaan 46% pula menuturkan DU, dan seramai 34 orang bersamaan 22.7% menuturkan BMS bersama ayah mentua masing-masing. Bagi DU+BB, seramai 18 orang bersamaan 12% masyarakat menuturkan campuran bahasa ini bersama ayah mentua. BMS+BB pula hanya seorang penutur bersamaan 0.6% sahaja.

IBU MENTUA

Ibu mentua pula merujuk kepada emak atau ibu kandung kepada pasangan suami atau isteri. Dalam masyarakat Banjar di Bagan Serai, seramai 27 orang bersamaan 18% menuturkan BB apabila bersama dengan ibu mentua. Seramai 68 orang bersamaan 45.3% pula menuturkan DU apabila berkomunikasi dengan ibu mentua. BMS pula mencatatkan angka penutur seramai 36 orang bersamaan 24%. Penutur DU+BB pula ialah seramai 18 orang bersamaan 12%, manakala hanya seorang sahaja bersamaan 0.7% pula menuturkan BMS+BB untuk berinteraksi dengan ibu mentua.

MENANTU

Menantu ialah panggilan yang diberikan kepada pasangan sama ada suami atau isteri kepada anak kandung. Berdasarkan jadual di atas, seramai 19 orang bersamaan 13.9% menuturkan BB apabila berinteraksi dengan menantu. Bagi DU, seramai 69 orang bersamaan 50.36% yang menuturkan dialek setempat ini bersama dengan menantu. BMS pula mencatatkan angka penutur seramai 36 orang bersamaan 26.28%. Manakala, seramai 12 orang bersamaan 9% menuturkan DU+BB. BMS+BB pula hanya seorang sahaja penutur iaitu bersamaan 0.73%.

Berdasarkan dapatan yang diperoleh, jelas sekali bahawa DU menjadi pilihan masyarakat Banjar di Bagan Serai untuk menuturkannya ketika berkomunikasi dengan ahli keluarga dalam lingkungan kedua. Hal ini dapat dilihat menerusi

dominasi DU dalam pertuturan bersama dengan ayah atau ibu mentua dan menantu. Walau bagaimanapun, penggunaan bahasa ibunda juga masih lagi dikekalkan khususnya berkomunikasi bersama datuk dan nenek. Selain itu, pertuturan menggunakan BMS juga memiliki penutur yang agak tinggi terutamanya apabila berkomunikasi bersama dengan ayah mentua, ibu mentua, dan menantu. Sementara itu, penggunaan bahasa campuran seperti DU+BB dan BMS+BB turut dituturkan oleh masyarakat Banjar ini.

LINGKUNGAN KETIGA

Lingkungan ketiga pula merujuk kepada ahli keluarga yang tidak rapat namun masih terikat dengan hubungan kekeluargaan. Antara ahli keluarga yang tergolong dalam lingkungan ini seperti pakcik/makcik saudara, saudara, dan ipar.

JADUAL 3: Domain kekeluargaan Lingkungan ketiga

BAHASA YANG DIGUNAKAN	DOMAIN KEKELUARGAAN LINGKUNGAN KETIGA					
	Pakcik Makcik Saudara		Saudara		Ipar Duai	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%
BB	52	26	40	20	23	15.3
DU	83	41.5	92	46	71	47.3
BMS	30	15	36	18	37	25
DU+BB	25	12.5	23	11.5	17	11.3
BMS+BB	10	5	9	4.5	2	1.3

PAKCIK MAKCIK SAUDARA

Pakcik dan makcik saudara juga dikenali sebagai ibu bapa saudara oleh masyarakat Melayu. Hal ini kerana golongan ini merupakan adik beradik kandung dengan ibu atau bapa seseorang. Berdasarkan jadual tersebut, seramai 52 orang bersamaan 26% masyarakat Banjar menuturkan bahasa ibunda untuk berkomunikasi dengan pakcik atau makcik saudara. Selain itu, DU pula mencatatkan angka penutur tertinggi apabila seramai 83 orang bersamaan 41.5% menuturkan dialek ini bersama pakcik dan makcik saudara. Manakala, seramai 30 orang bersamaan 15% pula menuturkan BMS. Bagi bahasa campuran, seramai 25 orang bersamaan 12.5% menuturkan DU+BB. BMS+BB pula seramai 10 orang bersamaan 5% penutur.

SAUDARA

Kebiasaan masyarakat Melayu menganggap saudara ini sebagai adik beradik sama ada kandung atau

bukan kandung. Saudara juga turut dikenali sebagai sepupu. Berdasarkan jadual, seramai 40 orang bersamaan 20% masyarakat Banjar menuturkan BB apabila berkomunikasi dengan saudara mereka. Selain itu, seramai 92 orang bersamaan 46% pula menuturkan DU apabila berinteraksi bersama sanak saudara. BMS pula mencatatkan angka penutur seramai 36 orang bersamaan 18%. Manakala, seramai 23 orang bersamaan 11.5% menuturkan DU+BB, dan seramai 9 orang bersamaan 4.5% menuturkan BMS+BB apabila berkomunikasi dengan saudara.

IPAR DUAI

Ipar duai pula merujuk kepada adik beradik kepada pasangan suami dan isteri. Berdasarkan jadual, seramai 23 orang bersamaan 15.3% yang menuturkan BB ketika berinteraksi dengan ipar. DU pula mencatatkan angka penutur yang tertinggi apabila seramai 71 orang bersamaan 47.3% menuturkan dialek setempat ini bersama dengan ipar. Bagi BMS,

seramai 37 orang bersamaan 25% masyarakat yang menuturkan bahasa kebangsaan ini bersama dengan ipar. Manakala, seramai 17 orang bersamaan 11.3% menuturkan DU+BB, dan dua orang bersamaan 1.3% lagi menuturkan BMS+BB.

Berdasarkan dapatan yang diperoleh, jelas sekali DU merupakan bahasa utama yang digunakan oleh masyarakat Banjar untuk berinteraksi dengan ahli keluarga dalam lingkungan ketiga. Selain itu, penggunaan BB juga masih dikekalkan oleh masyarakat Banjar ini. Bagi BMS pula, penggunaan bahasa kebangsaan ini dilihat setara digunakan sama ada dengan pakcik makcik saudara, saudara, dan ipar duai. Tambahan pula, masyarakat Banjar turut menggunakan bahasa campuran seperti DU+BB dan BMS+BB apabila berinteraksi bersama ahli keluarga dalam lingkungan ketiga ini.

PERBINCANGAN

Secara keseluruhannya, situasi kekeluargaan telah menyerlahkan bahawa DU semakin dominan dituturkan dalam hubungan interaksi masyarakat Banjar. Hal ini bermakna dialek setempat di Bagan Serai ini menjadi pilihan untuk masyarakat Banjar berkomunikasi bersama ahli keluarga. Tambahan pula, DU digunakan secara meluas meliputi ahli keluarga lingkungan pertama, kedua, dan ketiga. Hal yang sama juga terjadi ke atas masyarakat Cham apabila bahasa Melayu lebih dominan dituturkan dalam domain kekeluargaan berbanding bahasa ibunda, iaitu bahasa Cham (Noraisikin Ghazali, Mohammad Fadzeli Jaafar & Harishon Radzi 2019). Selain itu, masyarakat Bonggi juga mengalami situasi yang sama apabila dialek Melayu Sabah semakin dominan dituturkan oleh masyarakat Bonggi apabila dalam domain kekeluargaan (Akhmad Mansur et al. 2024). Malahan, kajian oleh Wirayudha Pramana Bhakti (2020) juga turut mengenal pasti situasi yang sama, iaitu, penggantian bahasa Jawa kepada bahasa Indonesia sebagai bahasa ibu dalam hubungan kekeluargaan di Kabupaten Sleman, Jogjakarta. Oleh itu, jelas sekali bahawa bahasa majoriti dalam sesebuah kawasan berpotensi untuk mendominasi pemilihan bahasa dalam kalangan etnik minoriti.

Penggunaan BB bersama ahli keluarga masih lagi dikekalkan oleh masyarakat Banjar di Bagan Serai. Berdasarkan dapatan, dapat dilihat bahawa BB ini dituturkan oleh masyarakat Banjar apabila berkomunikasi dengan ahli keluarga yang lebih berusia. Sebagai contoh, BB dituturkan sekiranya berinteraksi dengan datuk, nenek, ibu, dan ayah. Situasi ini selari dengan dapatan kajian oleh Mohd

Khaidir Abdul Wahab, Chong Shin & Karim Harun (2025) yang mendapati bahawa BB masih dituturkan dalam domain kekeluargaan terutamanya dalam kalangan generasi yang berusia 50-60 tahun. Manakala, situasi ini turut menyamai dengan komuniti Hakka Chinese di Thailand apabila bahasa Hakka hanya dituturkan oleh secara aktif oleh golongan generasi datuk dan nenek sahaja (Sutthipod Phiranawong, Siripen Ungsitipoonporn & Erika Sandman 2026). Oleh itu, jelas sekali bahawa pengaruh BB ini masih utuh dalam kalangan masyarakat Banjar yang sudah berusia.

Data kajian turut menjelaskan bahawa penggunaan BB sebagai lambang keakraban dalam hubungan kekeluargaan masyarakat Banjar. Hal ini kerana masyarakat ini cenderung menuturkan bahasa ibunda apabila bersama dengan ahli keluarga yang rapat. Misalnya, masyarakat Banjar selesa menuturkan BB apabila bersama dengan datuk, nenek, ayah, ibu, pakcik dan makcik saudara, saudara, dan adik beradik kandung. Manakala, komunikasi bersama dengan ayah dan ibu mentua, menantu dan ipar duai pula lebih menuturkan DU atau BMS. Situasi demikian sepadan dengan kenyataan oleh Mohd Khaidir Abdul Wahab & Shamim Sharif (2025) yang menyatakan bahawa pemilihan bahasa dalam domain kekeluargaan kebiasaannya lebih stabil disebabkan tertumpu pada hubungan sosial yang intim, rutin harian yang berulang, dan tahap formaliti yang rendah. Oleh itu, jelas sekali bahawa penggunaan BB dalam hubungan kekeluargaan sebagai simbol keintiman sesama keluarga.

Masyarakat Banjar kini sudah tidak mengamalkan perkahwinan sesama etnik Banjar. Perkara demikian menyebabkan dominasi penggunaan DU dalam hubungan kekeluargaan masyarakat Banjar di Bagan Serai. Mana tidaknya, DU dan BMS merupakan bahasa utama apabila masyarakat Banjar ini berkomunikasi dengan suami atau isteri, ayah mentua, ibu mentua, ipar duai dan juga menantu. Kajian ini menyamai dapatan oleh Muhammad Khairul Najmi Amran, Wan Robiah Meor Osman & Nor Fazila Ab Hamid (2024) yang mengenal pasti bahawa bahasa Siam tidak lagi menjadi bahasa pengantaraan apabila berkomunikasi bersama dengan mentua, menantu, ipar duai, besan dan biras. Penggunaan bahasa yang lebih standard dan mudah difahami lebih diutamakan apabila masyarakat minoriti mula berkahwin campur. Oleh itu, jelas sekali bahawa perkahwinan campur menyebabkan peluasan DU dalam masyarakat Banjar di Bagan Serai.

Situasi terkini bahasa Banjar jelas menyerlahkan bahawa sudah wujud isu kegagalan transmisi bahasa antara generasi. Hal ini kerana penurunan BB kepada generasi seterusnya, iaitu kepada anak kandung, tidak berjalan dengan lancar. Kebanyakan masyarakat lebih selesa menuturkan DU apabila berkomunikasi dengan anak kandung masing-masing. Situasi demikian menyerupai kajian oleh M. Ridha Ajam et al. (2026) yang menyerlahkan kecenderungan ibu bapa berkomunikasi bersama anak masing-masing menggunakan bahasa Indonesia dan Ternate Malay berbanding Ternateno. Oleh itu, jelas sekali bahawa penurunan bahasa ibunda kepada generasi berikutnya tidak berlaku dengan lancar dalam kalangan masyarakat Banjar di Bagan Serai.

KESIMPULAN

Berdasarkan domain kekeluargaan masyarakat Banjar di Bagan Serai, dapat dilihat bahawa penggunaan DU semakin dominan apabila berkomunikasi dengan ahli keluarga. Dominasi DU dalam domain kekeluargaan ini boleh dilihat apabila masyarakat Banjar ini menuturkan dialek setempat bersama dengan ahli keluarga lingkungan pertama, kedua, dan ketiga. Malah, penggunaan bahasa yang mudah difahami seperti DU dan BMS amat membantu masyarakat Banjar berkomunikasi dengan pasangan, mentua, menantu, dan ipar duai. Walau bagaimanapun, terdapat juga masyarakat Banjar yang tidak meninggalkan bahasa ibunda mereka untuk berkomunikasi dengan ahli keluarga. Penggunaan BB masih lagi dikekalkan terutamanya bersama dengan ahli keluarga yang lebih berusia. Misalnya, masyarakat Banjar ini menuturkan BB untuk berkomunikasi dengan datuk, nenek, ayah, dan ibu. Manakala, masyarakat Banjar ini turut menuturkan bahasa-bahasa campuran seperti DU+BB dan BMS+BB ketika berkomunikasi dalam domain kekeluargaan.

Antara kepentingan kajian pemilihan bahasa dalam domain kekeluargaan masyarakat Banjar ini ialah memperlihatkan situasi terkini isu keterancaman bahasa ibunda. Kini, pertuturan menggunakan DU dalam setiap interaksi bersama ahli keluarga semakin meluas. Hal ini dilihat mampu mengancam kelestarian bahasa Banjar selaku bahasa ibunda masyarakat Banjar. Kegusaran ini memuncak apabila transisi bahasa ibunda kepada generasi muda, iaitu anak kandung, dilihat tidak berlaku dengan

baik. Masyarakat Banjar lebih memilih menuturkan dialek setempat yang lebih mudah difahami bersama anak kandung. Perkara sedemikian perlu dirisaukan kerana akan mendorong kepada kepupusan bahasa ibunda. Hal ini selari dengan pernyataan oleh Filiz Cetintas Yildirim (2020) yang menyatakan bahawa dominasi bahasa majoriti akan membawa kepada kepupusan bahasa etnik minoriti dalam sesebuah kawasan. Oleh itu, kajian yang dijalankan ini sebagai langkah awal bagi melestarikan bahasa Banjar.

RUJUKAN

- Akhmad Mansur, Asbah Razali, Nurhamizah Hashim, Nurul Haniza Samsudin & Nur Azimah Mohd Bukhari. 2024. Pemilihan dan penguasaan dalam kalangan masyarakat Bonggi. *PERTANIKA Journal Social Sciences & Humanities* 32: 29-49.
- Filiz Cetintas Yildirim. 2020. Language choice and identity: an investigation based on the comparison of language attitudes from two different localities. *Journal of Language and Linguistic Studies* 16(2): 1032-1042.
- Fishman, J. A. 1972. Domains and the relationship between micro- and macrosociolinguistics. Dlm. John J. Gumperz & Dell Hymes (pnyt.). *Directions in sociolinguistics: The ethnography of communication*. New York: Basil Blackwell Ltd.
- Hartmut Haberland. 2005. Domains and domain loss. Dlm. Preisler, B., Fabricius, A., Haberland, H., Kjærbeck, S., & Risager, K. (pnyt.). *The consequences of mobility: linguistic and sociocultural contact zones*, hlm. 227-237. Roskilde: Roskilde Universitet.
- Harun Mat Piah. 1983. Dialek Perak: satu tinjauan ringkas. Anjuran Jabatan Kebudayaan Belia & Sukan Negeri Perak. Ipoh, Perak.
- Mohd Khaidir Abdul Wahab, Chong Shin, Karim Harun & Jamaludin Asaari. 2025. Pilihan bahasa dalam domain pendidikan keagamaan di Bagan Serai, Perak. *Jurnal Melayu* 24(1): 1-21.
- Mohd Khaidir Abdul Wahab, Chong Shin & Karim Harun. 2025a. Pengekalan dan peralihan bahasa Banjar di lokasi terpilih di Mukim Bagan Serai, Perak. *International Journal of Malay World and Civilisation* 13(1): 38-50.
- Mohd Khaidir Abdul Wahab, Chong Shin & Karim Harun. 2025b. Pemilihan bahasa masyarakat Banjar Diaspora di Bagan Serai, Perak. *Journal of Malaysia Studies (early view)* 1-44.
- Mohd Khaidir Abdul Wahab & Dicky Wiwattan Toto Ngadiman. 2024. Pilihan bahasa dalam kalangan mahasiswa di Pulau Pinang dalam domain keluarga dan pendidikan. *Internatinal Journal of Language Education and Applied Linguistics* 14(2): 31-45.
- Mohd Khaidir Abdul Wahab & Mohd Nor Taufiq NorHashim. 2022. Aspek leksikal kata nama dalam dialek masyarakat Banjar di Mukim Bagan Serai Perak. *e-Jurnal Bahasa dan Linguistik* 2(2): 67- 78.
- Mohd Khaidir Abdul Wahab & Shamim Sharif. 2025. Vitaliti dialek Melayu Perlis dalam domain keluarga dan persahabatan. *Jurnal Linguistik*. 29(2): 102-119.

- Muhammad Danial Danish Yusman & Noor Saadah Salleh. 2024. Pemilihan Bahasa dalam Kalangan Generasi Muda Masyarakat Jawa di Kampung Seri Tiram Jaya, Selangor. *Jurnal Linguistik* 28(2): 90-103.
- Muhammad Khairul Najmi Amran, Wan Robiah Meor Osman & Nor Fazila Ab Hamid. 2024. Pilihan bahasa dalam domain kekeluargaan masyarakat Siam, Kedah. *Jurnal Akademika* 94(3): 481-497.
- Muhammad Khairul Najmi Amran & Wan Robiah Meor Osman. 2024. Pemilihan bahasa Siam dalam kalangan masyarakat majoriti di Pendang, Kedah. Dlm. Wan Robiah Meor Osman (pnyt.). *Bahasa dan Komuniti*, hlm. 85-101. Kota Samarahan: Universiti Malaysia Sarawak.
- M. Ridha Ajam, Adi F. Mahmud, Irfan Ahmad, Andi Tenri Pada Agustang & Susmayunita. 2026. Ternateno as a Portuguese creole: a history and sociolinguistic study in Ternate. *GEMA ONLINE Journal of Language Studies* 26(1): 79-100.
- Noor Izzati Jamil & Khazriyati Salehuddin. (2023). The different types of bilinguals and the dominant languages among FSSK UKM students. *Jurnal Wacana Sarjana* 7(4):1-14.
- Noraisikin Ghazali, Mohammad Fadzeli Jaafar & Harishon Radzi. 2019. Peralihan bahasa Cham dalam masyarakat Cham di Melaka: analisis sosiolinguistik. *GEMA Online Journal of Language Studies* 19(2): 52-69.
- Sutthipod Phiranawong, Siripen Ungsitipoonporn & Erika Sandman. 2026. Assessing language vitality and analyzing factors behind language maintenance and language shift: the case of Hakka in Thailand. *Asian Ethnicity* 27(2): 439-464. <https://doi.org/10.1080/14631369.2025.2494115>
- Portal Rasmi Majlis Daerah Kerian. Sejarah Kerian. <https://mdkerian.gov.my/index.php/majlis-daerah-kerian?view=article&id=89:info-kerian&catid=31>. [9 Februari 2026].
- Riduan Makhtar, Siti Aisah, Abd Ganing Laenggang. 2019. Pemilihan bahasa dalam masyarakat Semai di Kampung Serigala, Hulu Selangor. *E-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan 2019*, hlm. 1-10.
- Rohaidah Haron, Ab. Razak Ab. Karim & Indirawati Zahid. 2018. Pertembungan bahasa di Selatan Thailand: faktor dan implikasi. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature* 9: 117-129.
- Rozmi Ismail. 2023. *Metodologi Penyelidikan Teori dan Praktis*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sa'adiah Ma'alip. 2015. Pemilihan bahasa dalam komunikasi di laman sosial. *Jurnal Komunikasi* 31(2): 231-246.
- Sa'adiah Ma'alip. 2019. Tahap keterancaman bahasa masyarakat kreol di Melaka. *Akademika*. 89: 109-123.
- Sa'adiah Ma'alip & Kartini Abd Wahab. 2024. Language choice among family in Narum speech community. *Geografi Malaysia Journal of Society and Space* 20(1): 140-154.
- Sa'adiah Ma'alip & Syaidul Azam Kamarudin. 2021. Background and Language of The Narum Community in Marudi, Sarawak. *Malaysian Journal of Society and Space* 17(2): 417-431.
- Salleh Lamry. 2016. Madam ka banua urang: migrasi dan perubahan sosial dalam kalangan orang Banjar di Malaysia. Kertas Kerja Konferensi International: Transformasi Sosial dan Intelektual Orang Banjar Kontemporar. Banjarmasin, Indonesia, 9-11 Ogos.
- Shahidi A.H., Iqbal Norul Amin & Nor Fazila Ab.Hamid. 2025. Pemerian pengaruh aspek fonologi dan leksikal bahasa Melayu dalam pertuturan penutur natif Banjar. *Journal of Social Sciences and Humanities* 22(3): 665-673.
- Saidatul Nornis Hj Mahadi, Aishah Tamby Omar & Wong Mee Mee. 2022. Domain dan pemilihan bahasa generasi muda Murut di daerah Keningau, Sabah. *GEMA ONLINE Journal of Language Studies* 22(3): 119-138.
- Schidmt-Rohr. 1932. Mutter Sprache-Vom Amt der Sprache bei der Volkwerdung. Jena. Eugen Diederichs.
- Umami Aiman Zahimi & Wan Robiah Meor Osman. 2026. Pemilihan bahasa dalam domain kekeluargaan masyarakat Cina Peranakan Tirok, Kuala Terengganu. *International Journal of the Malay World and Civilisation* 14(1): 52-66.
- Wan Haliimisshufi Bin Wan Jusoh & Faridah Nazir. 2022. Percampuran kod dalam ulasan permainan video PUBG Mobile: suatu analisis sosiolinguistik. *International Young Scholars Journal of Languages* 5(1): 49-65.
- Wirayudha Pramana Bhakti. 2020. Pergeseran penggunaan bahasa Jawa ke bahasa Indonesia dalam komunikasi keluarga di Sleman. *Jurnal Skripta* 6(20): 28-40.